



**MAJLIS PERBANDARAN KULIM
NO. 1, LEBUH BANDAR 2, BANDAR PUTRA, 09000 KULIM
KEDAH DARUL AMAN**

TEL: 04-4325 225 FAKS: 04-4325 229 PORTAL RASMI: <http://www.mpkk.gov.my>

**KENYATAAN MENGEMUKAKAN PELAN CADANGAN
REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)**

Majlis Perbandaran Kulim, Kedah (MPKK) membuka tawaran kepada syarikat pemaju / petender bagi mengemukakan Pelan Cadangan (*Request for Proposal*) berkaitan Cadangan Projek Usahasama Pembangunan Semula Kawasan Plaza MPKK, Kelang Lama, Kulim, Kedah Darul Aman. Terma dan syarat bagi pihak-pihak yang berminat untuk mengemukakan Pelan Cadangan (*RFP*) tersebut adalah seperti berikut:

PERKARA	KELAYAKAN
Cadangan Projek Usahasama (Joint Venture) Pembangunan Semula Kawasan Plaza MPKK, Kelang Lama, Kulim, Kedah Darul Aman.	<ul style="list-style-type: none">➤ Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).➤ Berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)➤ Berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)
Taklimat projek dan lawatan tapak akan diadakan pada 9hb Disember 2021 (Khamis), jam 10:30 pagi di Bangunan Plaza MPKK , Kelang Lama, Kulim, Kedah Darul Aman. Koordinat: 5.388505°, 100.565475° [Pendaftaran: 10:00 pagi – 10:30 pagi]	
Harga Dokumen Tender: RM 200.00 senaskah.	
Tarikh Mula Iklan: 25hb November 2021 (Khamis).	
Tarikh Tutup Iklan: Jam 12:00 tengahari, 30hb Disember 2021 (Khamis).	

1. Wakil syarikat pemaju / petender adalah diwajibkan menghadiri taklimat projek dan lawatan tapak sebelum membeli dokumen tender *Request for Proposal (RFP)*. Syarikat pemaju / petender yang tidak menghadiri taklimat dan lawatan tapak adalah tidak layak mengambil bahagian;

2. Syarikat pemaju / petender perlu berdaftar sebagai Pembekal dengan Majlis Perbandaran Kulim. Daftar Pembekal boleh dibuat dengan mengisi borang pendaftaran di Kaunter Jabatan Perbendaharaan Majlis Perbandaran Kulim pada waktu pejabat. Bayaran pendaftaran hanyalah bagi syarikat pemaju / petender yang berjaya dengan projek yang dikemukakan;
3. Dokumen tender akan dijual mulai 9hb Disember 2021 - 30hb Disember 2021 dengan bayaran sebanyak RM 200.00 sahaja. Bayaran hendaklah dibuat secara pindahan atas talian ke akaun **Bank Islam (No. Akaun: 02057010000011)** atas nama "**Majlis Perbandaran Kulim**". Bayaran yang telah diterima tidak akan dikembalikan;
4. Syarikat pemaju / petender perlu melampirkan bukti pembayaran melalui e-mel kepada fathinah@mpkk.gov.my. Salinan digital dokumen tender akan diberikan melalui e-mel setelah bukti pembayaran diterima;
5. Syarikat yang menyertai tender ini adalah diwajibkan melengkapkan "**Surat Akuan Pembida / Petender**";
6. Pihak MPKK tidak terikat untuk bersetuju dengan mana-mana syarikat pemaju atau pelan cadangan yang dikemukakan. Sebarang keputusan adalah tertakluk kepada kelulusan **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman**.
7. Sebarang kos yang dikeluarkan oleh pihak syarikat pemaju / petender dalam penyediaan Pelan Cadangan adalah di bawah tanggungan pihak syarikat sepenuhnya dan pihak MPKK tidak terikat untuk menanggung sebarang perbelanjaan oleh pihak yang mengemukakan Pelan Cadangan (*RFP*);
8. Salinan daftar syarikat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan maklumat ahli Lembaga Pengarah, sijil profesional atau kelayakan setaraf dan penyata kewangan syarikat bagi tiga tahun terkini yang telah diaudit hendaklah dikemukakan bersama Pelan Cadangan (*RFP*). Kontraktor yang berkhidmat di bawah syarikat pemaju hendaklah mempunyai pendaftaran yang sah daripada Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) mengikut kelayakan kerja yang dilaksanakan. Salinan ini hendaklah disertakan bersama dengan dokumen Pelan Cadangan (*RFP*);
9. Sila berhubung dengan Tuan Sr. Mohamad Syakir Bin Daman Huri atau Encik Muhammad Haniff Bin Baharom, **Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPKK** di talian **04-4325 225** samb. **362 / 368** sekiranya terdapat sebarang pertanyaan;

10. Semua Pelan Cadangan (*RFP*) yang telah dilengkapkan hendaklah dikemukakan sebelum atau pada **jam 12.00 tengahari, 30hb Disember 2021 (Khamis)** secara serahan tangan dan dimasukkan di dalam sampul surat dengan nombor dokumen tender ditulis di penjuru kiri sebelah atas serta hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Serahan Dokumen Tender, Lobi MPKK seperti alamat berikut:

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kulim
No. 1, Lebuh Bandar 2
Bandar Putra
09000 Kulim, Kedah Darul Aman

11. Dokumen Pelan Cadangan (*RFP*) yang lewat dikemukakan atau diterima selepas tarikh tutup **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**



.....
(DR. HAJI NADZMAN BIN MUSTAFFA, AMK., BCK.)
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KULIM
KEDAH DARUL AMAN